

05/02/2005

MAHATHIR-PENGGANTI

PROTON PUNYA ORANG BERKEBOLEHAN UNTUK JADI PEMIMPINNYA DI MASA DEPAN,  
KATA TUN MAHATHIR

PUTRAJAYA, 5 Feb (Bernama) -- Proton mempunyai mereka yang berkebolehan yang boleh mengambil alih kepimpinan syarikat pembuat kereta nasional itu daripada ketua pegawai eksekutif (CEO) Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, kata penasihat syarikat Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya nampak ada beberapa orang yang amat berpengalaman dalam Proton, yang boleh mengambil alih daripada Tan Sri Mahaleel (apabila tiba masanya)," kata beliau pada sidang media di pejabatnya di Yayasan Perdana di sini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab pertanyaan sama ada Proton memerlukan rancangan penggantian kepimpinan berikutan laporan bahawa Proton mahu menggantikan Tengku Mahaleel.

"Bagaimanapun, lembaga pengarah berhak membawa seseorang dari luar," kata bekas Perdana Menteri itu.

Semasa ditanya sama ada kerajaan telah membuat sebarang keputusan untuk melanjutkan kontrak Tengku Mahaleel yang akan tamat bulan depan, penasihat syarikat itu berkata beliau tidak tahu mengenainya.

Beliau memberikan jawapan yang sama apabila ditanya mengenai laporan yang mendakwa bahawa pengerusi Proton Holdings Datuk Abu Hassan Kendut meletak jawatan awal minggu ini disebabkan oleh kononnya Dr Mahathir campurtangan dalam rancangan penyusunan semula pengurusan Proton.

Dr Mahathir, yang memainkan peranan penting dalam penubuhan Proton pada tahun 1980-an, berkata beliau hanya mengetahui mengenai laporan itu apabila ditanya wartawan Indonesia semasa beliau melawat Aceh yang dilanda tsunami, semalam.

"Saya tidak menghubungi lembaga Proton (mengenai perkara itu), saya tidak nampak kenapa saya perlu pergi dan tanya, adakah anda marah dengan saya, adakah saya memeningkan anda, adakah anda meletakkan jawatan.

"Saya membaca laporan itu dalam akhbar. Jika mereka mahu memberitahu saya mereka boleh beritahu, sekiranya mereka tidak memberitahu saya juga tidak apa."

Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah bertanya Tengku Mahaleel sama ada beliau mahu kekal dengan Proton atau tidak.

"Beliau berhubungan dengan saya kerana kami membincangkan beberapa perkara. Malah saya boleh katakan bahawa saya menjadi pemandu uji kereta baru Proton yang akan dilancarkan awal tahun ini," kata beliau secara bergurau.

Sementara itu, menyentuh mengenai pengeluaran, bekas perdana menteri itu berkata kekurangan bekalan kepingan keluli mungkin membawa kepada kelembapan pengeluaran kereta Proton.

"Walaupun sekiranya anda mahu membeli keluli, anda mahu membayar dengan harga yang lebih tinggi, tidak cukup keluli untuk dibeli," kata beliau.

Mengenai kerjasama teknikal Proton dengan pengeluar automotif terbesar Eropah, Volkswagen, Dr Mahathir berkata ia tidak akan tergugat sekiranya Tengku Mahaleel meninggalkan syarikat.

Beliau berkata prestasi Proton juga baik meskipun persaingan sengit daripada pembuat kereta luar dan sedikit perlindungan daripada kerajaan.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa 300 peratus duti eksais yang dikenakan terhadap kereta dengan enjin berkapasiti tinggi diadakan lebih awal daripada Proton bagi melindungi orang ramai daripada membeli kereta yang menggunakan banyak petrol dan tidak bermaksud melindungi Proton.

Ia juga merupakan sumber perolehan bagi kerajaan, yang memerlukan wang

untuk mengurus negara, kata Dr Mahathir.

Mengenai harga kereta luar yang kompetitif yang kini membanjiri pasaran Malaysia, beliau berkata: "Kami hairan bagaimana seseorang itu boleh membuat sebuah kereta dan mengeksportnya dengan harga RM11,000 dan malah RM8,000. Mustahil. Ini dibandingkan dengan kos RM30,000 bagi setiap kereta Proton."

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa pembuat kereta luar mengeluarkan berjuta kereta setiap tahun, dengan itu memberikan mereka skala ekonomi.

Dr Mahathir juga memberitahu bahawa Proton meninjau untuk mendapatkan enjin terbaik bagi keretanya selepas langkah baru-baru ini, untuk memperoleh enjin daripada pembuat kereta Perancis, Renault. -- BERNAMA

MAD/MAM FR NHD